**E** Bulatkan kesan yang betul jika kita tidak mengamalkan sikap kesederhanaan.

TP 5 TP 6

1 Kamila telah membuat panggilan telefon dengan menggunakan telefon pintar Shamira selama 30 minit.

A Telefon Shamira rosak.

B Shamira terpaksa membayar bil telefon yang tinggi.

2 Yen Hong berkongsi warna pensel dengan anak jirannya semasa menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru mereka.

A Anak jirannya dapat menyiapkan kerja rumah.

B Anak jirannya tidak dapat menyiapkan kerja rumah.

3 Mila memasang dua batang lilin semasa bekalan elektrik di rumahnya terputus. Dia memberikan baki lilin kepada jiran sebelah rumahnya.

A Anak-anak jirannya dapat menyiapkan kerja sekolah.

B Anak-anak jiran Mila dimarahi guru kerana tidak menyiapkan kerja sekolah.

4 Gopi menempah banyak makanan untuk menjamu jiran-jiran yang datang ke rumahnya.

A Banyak makanan dibawa pulang oleh jiran-jiran.

B Gopi terpaksa membayar harga yang mahal untuk makanan tersebut.

5 Malik mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran walaupun dia tidak mempunyai simpanan yang banyak.

A Malik terpaksa berhutang kerana tidak dapat membayar secara tunai.

B Majlis perkahwinan Malik nampak mewah dan meriah serta dipuji oleh jiran-jirannya.

LIVEWORKSHEETS

Isi petak kosong dengan jawapan yang betul berdasarkan pembayang huruf yang diberi.

1 Kita hendaklah ________ dalam menjalani kehidupan kita.

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B | E | | S | | D | | R | | A | N | |

2 Jangan ________ barang-barang jiran kita terlalu lama.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M | | M | | N | J | | M |

3 Puan Abidah tidak suka menceritakan kejayaan anak-anaknya kepada jiran tetangga. Dia bimbang ada jiran-jirannya yang akan ________.

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| T | | R | S | | N | G | G | | | G |

4 Kamu perlulah ________ apabila menggunakan kemudahan awam kerana jiran-jiran kamu juga berhak menggunakannya.

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| B | | R | T | | M | | A | N | | | A | S | |

5 Arman ________ ketika keluar berbelanja dengan jirannya di bandar.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | E | R | | I | M | | T |

6 Berhati-hatilah ketika bercakap atau bertingkah laku supaya tidak memberi kesan ________ kepada diri dan jiran.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| N | | G | | T | | |

7 Bantulah jiran mengikut kemampuan diri supaya tidak ________ diri sendiri.

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M | | M | | D | | R | | T | K | | N |

8 Tegurlah jiran dengan menggunakan tutur kata yang lembut supaya jiran tidak ________.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| M | | R | | H |

LIVEWORKSHEETS

## Soalan Objektif

Jawab soalan-soalan di bawah.

1 Suhaili dan isterinya hidup secara __________ di rumah mereka.
A bermegah
B sederhana
C melampau
D berlebihan

2 Jiran Gurmit tidak suka dengan sikapnya yang suka __________ jiran-jiran membeli barang-barang yang dijualnya.
A menganiaya
B memaksa
C membuat
D menipu

3 Imran __________ diri untuk masuk ke rumah selepas agak lama berbual dengan jirannya.
A menyiap
B melepas
C meminta
D menunjuk

4 Ibu menasihatkan Kakak Ming Choo tidak berada terlalu __________ di rumah jiran mereka.
A pantas
B cepat
C lama
D laju

5 Burhan membeli coklat untuk jiran-jirannya sehingga dia tidak mempunyai lebihan __________ untuk makan.
A kain
B wang
C mata
D tangan

## Soalan Subjektif

Garis jawapan yang betul.

1 Mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan merupakan amalan yang ( keji / mulia ).

2 Sikap ( tamak / sederhana ) tidak memberi faedah dalam kehidupan kita.

3 Raikanlah tetamu dan jiran-jiran dengan kadar sederhana agar tidak berlaku sebarang ( pembaziran / keuntungan ).

4 Sikap suka ( bermegah-megah / merendah-rendah ) dengan kejayaan sendiri mungkin akan menyinggung perasaan jiran tetangga.

5 Persatuan Penduduk Taman Seroja menggunakan wang tabung mereka untuk perkara-perkara yang ( berfaedah / membazir ) sahaja.

LIVEWORKSHEETS